



**KASTAM DIRAJA MALAYSIA**

**CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN**

**PANDUAN  
INDUSTRI HIBURAN**

## KANDUNGAN

<b>PENGENALAN .....</b>	<b>1</b>
Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) secara am.....	1
<b>OPERASI INDUSTRI HIBURAN SECARA AM .....</b>	<b>1</b>
<b>LAYANAN CBP KE ATAS INDUSTRI HIBURAN .....</b>	<b>4</b>
<b>SOALAN LAZIM .....</b>	<b>5</b>
<b>MAKLUMBALAS DAN KOMEN .....</b>	<b>20</b>
<b>MAKLUMAT LANJUT .....</b>	<b>20</b>



## **PENGENALAN**

1. Panduan Industri ini disediakan untuk membantu anda bagi memahami layanan Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) ke atas industri hiburan.

### **Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) secara am**

2. CBP adalah cukai berperingkat bagi penggunaan tempatan. CBP dikenakan ke atas semua pembekalan bercukai barang dan perkhidmatan di Malaysia melainkan pembekalan yang dikecualikan secara khusus. CBP juga dikenakan ke atas pengimpotan barang dan perkhidmatan ke Malaysia.

3. Pembayaran cukai di lakukan di setiap peringkat di dalam proses pengeluaran dan pengagihan. Walaupun cukai dibayar di sepanjang rangkaian pengeluaran dan pengagihan, hanya nilai ditambah di setiap peringkat dikenakan cukai dan oleh itu cukai berganda dapat dielakkan.

4. Di Malaysia, seseorang yang didaftarkan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dikenali sebagai “orang berdaftar”. Orang berdaftar dikehendaki mengenakan CBP (cukai output) ke atas pembekalan bercukai yang dibuat kepada pelanggannya. Beliau dibenarkan menuntut kembali sebarang CBP yang ditanggung dalam pembeliannya (cukai input) yang merupakan input kepada perniagaannya. Oleh itu cukai tersebut bukanlah merupakan kos di setiap peringkat pengeluaran dan pembekalan dan ianya tidak wujud sebagai perbelanjaan dalam penyata kewangan.

## **OPERASI INDUSTRI HIBURAN SECARA AM**

### **Latarbelakang**

5. Industri hiburan di Malaysia meliputi bidang aktiviti yang luas. Ianya termasuk aktiviti yang menggunakan intelektual, bakat seni, muzik, kemahiran fizikal atau kemahiran individu yang dipertontonkan atau dipersembahkan kepada penonton.

6. Di bawah Akta Duti Hiburan 1953 (Akta 103) “hiburan” termasuk apa-apa pameran, pertunjukan, hiburan atau sukan atau aktiviti lain yang diisytiharkan sebagai hiburan oleh Menteri Kewangan di bawah subseksyen (2), yang mana kemasukan mana-mana orang dikenakan bayaran.



7. Mengikut Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992 (Akta 493) “hiburan” termasuk:-

- (a) drama, opera, pantomim, persembahan anikaragam, persembahan muzik, nyanyian, tarian, pertandingan ratu cantik, demonstrasi, pameran dan perbarisan yang mana seseorang mengambil bahagian;
- (b) pertunjukan bunga api, *set pieces*, pingat peringatan dan rupa makhluk sebenar atau khayalan;
- (c) sarkas dan pameran binatang;
- (d) pameran model, bahan bacaan, gambar, fotograf atau rupa patung atau rupa lain berbentuk manusia atau binatang;
- (e) pameran filem sinematograf, wayang gambar video dan pertunjukan boneka;
- (f) reproduksi atau sinematograf selain daripada filem sinematograf dengan apa apa cara jua pun selain daripada telefoni atau radio telefoni, atau apa apa muzik, lagu atau ucapan.
- (g) mesin dan peranti yang jika dimanipulasi, memberi peluang untuk memenangi hadiah dalam bentuk wang atau barang;
- (h) meja pin atau permainan video;
- (i) apa-apa jenis pertandingan sukan di antara beberapa orang atau binatang;
- (j) pertandingan terancang bagi permainan kemahiran dan nasib;
- (k) pesta perdagangan yang terdiri daripada pameran, iklan atau jualan hasil atau bahan industri atau bahan bahan darinya;
- (l) apa-apa kombinasi bagi mana-mana bentuk hiburan yang tersebut di atas; atau
- (m) apa-apa hiburan lain yang diisytiharkan oleh menteri dari masa kesemasa melalui perintah dalam warta, di mana orang awam dibenarkan masuk dengan atau tanpa bayaran atau balasan lain.

8. Bagi tujuan panduan ini, hiburan tidak termasuk aktiviti-aktiviti di sub-perenggan 7(g) dan 7(j).

9. Aktiviti utama hiburan meliputi:

- (a) muzik;
- (b) filem dan wayang gambar;
- (c) televisyen;
- (d) radio;
- (e) komidi / lawak jenaka;
- (f) komik dan animasi;
- (g) panggung wayang;
- (h) taman tema dan hiburan;
- (i) buku dan kesusasteraan;
- (j) pertunjukan silap mata; dan
- (k) pertunjukan seni.

10. Peranan utama dalam industri hiburan termasuk:

- artis;
- penari;
- pemuzik;
- jurukamera;
- jurumekap artis;
- promoter;
- pengarah;
- komposer.

## LAYANAN CBP KE ATAS INDUSTRI HIBURAN

11. Semua barang dan perkhidmatan yang dibekalkan oleh pembekal hiburan dalam menjalankan urusan dan penerusan apa-apa perniagaan yang dijalankan olehnya adalah tertakluk kepada CBP.

(a) Contoh barang bercukai yang di sediakan oleh pembekal hiburan adalah seperti berikut:

- makanan dan minuman;
- cakera padat,DVD, kaset;
- peralatan muzik;
- filem;
- gambar; dan
- peralatan pentas.

(b) Contoh perkhidmatan seperti dibekalkan oleh:

- penghibur;
- kumpulan muzik;
- juru solek artis;
- pereka fesyen rambut;
- koreografer;
- pengurus majlis; dan
- penganjur.

di samping

- penyewaan (peralatan, baju dan lain-lain); dan
- pengiklanan.

12. Senarai di atas tidaklah lengkap. Apa-apa pembayaran yang berkaitan dengan pembekalan barang dan perkhidmatan di dalam industri hiburan seperti bayaran masuk, royalti, komisen, jualan barang dan lain-lain adalah tertakluk kepada CBP.

## SOALAN LAZIM

### Bekerja sendiri / Pekerja bebas

**S1. Apakah tanggungan CBP seseorang penghibur bebas (freelance performer)?**

J1. Sekiranya anda adalah penghibur bebas seperti penari, penyanyi, pelawak, pemuzik, pegawai perhubungan pelanggan (GRO), pemain silap mata, anda dianggap sebagai bekerja sendiri dan perlu berdaftar di bawah CBP sekiranya nilai perolehan (*turnover*) bercukai telah melebihi nilai ambang yang ditetapkan. Apa-apa bayaran yang dikenakan ke atas perkhidmatan yang diberi adalah tertakluk kepada CBP.

**S2. Saya adalah seorang pemuzik yang bekerja sendiri dan mengikat kontrak dengan sebuah kumpulan orkestra. Adakah saya perlu mengakaunkan CBP?**

J2. Sebagai pemuzik bebas yang mengikat kontrak dan membuat pertunjukan di Malaysia anda dikehendaki mengakaunkan CBP ke atas pembayaran yang diterima hasil dari perkhidmatan yang diberi sekiranya anda adalah seorang berdaftar di bawah CBP.

**S3. Bagaimana sekiranya seorang penghibur itu merupakan seorang pekerja dengan syarikat hiburan?**

J3. Sekiranya penghibur merupakan pekerja syarikat hiburan tersebut, syarikat itu hendaklah mengakaunkan CBP ke atas pembayaran yang diterima.

**S4. Apakah perbelanjaan yang boleh dituntut sekiranya saya adalah seorang artis yang berdaftar dengan CBP?**

J4. Sebagai artis yang berdaftar dengan CBP anda layak menuntut kredit cukai input untuk CBP yang telah dibayar ke atas pembelian barang atau perkhidmatan yang berkaitan dengan urusan perniagaan anda sebagai artis. Contoh adalah:

- kelas bimbingan;
- pakaian dan peralatan solekan bagi sesuatu pementasan;

- hiasan pentas;
- bantuan profesional dan teknikal; dan
- peralatan muzik dan elektronik;

**S5. Bolehkah saya menuntut CBP yang berkaitan dengan pakaian dan kelengkapan pakaian?**

J5. Tuntutan balik CBP ke atas pembelian pakaian kegunaan biasa adalah tidak dibenarkan kerana pakaian itu boleh digunakan secara harian. Ia dianggap sebagai kegunaan persendirian.

Di bawah CBP pakaian yang dibenarkan adalah digunakan khas sebagai pakaian untuk pementasan. Sebagai contoh, CBP yang dibayar ke atas rambut palsu yang dibeli oleh pemuzik profesional untuk digunakan semasa pementasannya.

Anda juga boleh menuntut cukai yang dibayar ke atas bayaran cukai dandan rambut sekiranya ia memerlukan watak sedemikian. Selain itu anda juga layak menuntut CBP ke atas solekan muka untuk pementasan termasuk bahan bagi mencuci solekan muka.

**S6. Saya menyediakan pelbagai jenis perkhidmatan seperti penghibur, pakar motivasi, jurulatih, jurutunjuk, koreografer dan pengendali pengurusan majlis. Adakah saya perlu mendaftar dengan CBP secara berasingan?**

J6. Tidak, anda tidak perlu mendaftar CBP secara berasingan sekiranya perkhidmatan yang disediakan di bawah entiti yang sama. Di bawah Akta CBP pendaftaran adalah berdasarkan entiti bukannya jenis perniagaan. Entiti (person) adalah termasuk individu sebagai milik perseorangan, firma, syarikat, pertubuhan, badan perseorangan, badan awam, pihak berkuasa tempatan, badan berkanun, orang yang juridikal atau badan yang tidak diperbadankan.

**Bukan pemastautin**

**S7. Apakah layanan CBP ke atas pelakon / selebriti yang membuat penampilan di Malaysia?**



J7. Apa-apa penampilan yang dilakukan oleh artis / penghibur profesional yang diiktirafkan dalam kerjayanya seperti artis, pelakon, ahli sukan adalah dalam skop profesionalismenya.

Ia juga meliputi aktiviti promosi, pengiklanan dan sokongan barang atau perkhidmatan dan boleh termasuk sesi bergambar, temubual radio atau televisyen dan penampilan lain. Penampilan diri bukan sahaja semasa berada di hadapan penonton tetapi termasuk juga semasa dalam filem, video, siaran langsung dan dirakamkan.

Balasan kepada penampilan mungkin dalam bentuk tunai atau barang. Contoh balasan adalah seperti berikut:

- bayaran penampilan;
- bonus pencapaian;
- pendapatan pertunjukan;
- peratusan *Box office*;
- hak TV;
- bayaran penyiaran / media;
- pendapatan pelancungan
- bayaran kemenangan pertandingan;
- hadiah wang;
- pendapatan pengiklanan; dan
- bayaran sokongan;

Semua balasan yang dicatitkan di atas adalah tertakluk kepada CBP.

**S8. Saya adalah penyanyi profesional dari luar negara yang dijemput oleh syarikat X untuk membuat persembahan di majlis amal dan kebajikan dengan bayaran. Apakah layanan CBP ke atas bayaran yang diterima?**

J8. Perkhidmatan yang diberikan di Malaysia adalah pembekalan bercukai. Walau bagaimanapun, sebagai seorang bukan warganegara dan tidak mempunyai establismen perniagaan atau mempunyai establismen tetap di Malaysia, maka

ejen yang dilantik oleh anda mestilah mengakaunkan CBP secara mekanisme caj balikan.

**S9. Saya telah dijemput untuk mengadakan persembahan di Malaysia. Bayarannya pula akan dibayar di luar negara. Adakah saya perlu membayar CBP di Malaysia?**

J9. Tidak. Anda tidak bertanggung untuk membayar CBP bagi perkhidmatan yang diberikan di Malaysia. Ejen anda perlu mengakaunkan CBP secara mekanisme caj cukai balikan (*reverse charge mechanism*).

**S10. Bagaimana pula tanggungjawab promoter yang bukan warganegara Malaysia ke atas CBP?**

J10. Promoter dari luar negara yang membekalkan perkhidmatan di Malaysia mestilah mempunyai rakan kongsi tempatan yang berdaftar dengan CBP untuk mengakaunkan CBP atas mekanisme caj balikan.

**S11. Satu kumpulan penghibur iaitu AZ dari luar negara mengatur secara terus dengan BZ, sebuah syarikat tempat pelancungan tempatan, bagi mengadakan persembahan di Malaysia dengan menyewa tempat dan kemudahan dari BZ. AZ juga telah melantik ejen tiket bagi menguruskan penjualan tiket. Apakah tanggungan AZ di bawah CBP?**

J11. AZ adalah dikehendaki melantik seorang promoter tempatan sebagai ejen bagi mengakaunkan apa-apa tanggungan cukai termasuk CBP. CBP akan diakaun secara mekanisme caj balikan.

BZ hendaklah mengakaun CBP ke atas pembekalan kemudahan yang disediakan kepada AZ seperti sewaan bilik dan dewan.

Ejen tiket hendaklah mengakaunkan CBP ke atas komisen yang dibuat hasil dari penjualan tiket sekiranya ia seorang CBP berdaftar

Nota: Syarikat hiburan luar negara adalah dikehendaki memohon untuk kelulusan penggambaran filem dan pertunjukan oleh artis luar melalui agensi tempatan iaitu PUSPAL (agensi pusat bagi permohonan perfileman dan pertunjukan artis luar) di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM).

**S12. Saya menjemput artis luar negara untuk membuat persembahan dalam majlis persendirian di mana saya menanggung segala perbelanjaan termasuk perbelanjaan perjalanan, penginapan, makan serta bayaran profesional. Adakah saya perlu membayar CBP ke atas perkhidmatan ini?**

J12. Mejemput artis luar negara untuk membuat persembahan di suatu majlis persendirian tidak tertakluk kepada CBP kerana ianya tidak bertujuan untuk penerusan perniagaan. Walau bagaimanapun, sekiranya anda adalah seorang promoter / ejen yang terlibat dalam industri hiburan, anda perlu mengakaunkan CBP ke atas apa-apa pembayaran yang diterima pada kadar standard.

### **Tarian**

**S13. Apakah layanan CBP ke atas perkhidmatan yang dibekalkan oleh penari?**

J13. Tarian termasuk semua tarian awam, iaitu majlis tertentu atau perjumpaan yang mengadakan tari menari terbuka kepada orang awam yang melibatkan bayaran masuk atau pembelian awal tiket contohnya di kabaret, disko, majlis sosial dan tarian yang dianjurkan oleh kelab sukan.

Pembekalan perkhidmatan tarian oleh penari yang berkait dengan perniagaan adalah tertakluk kepada CBP. Ianya tidak termasuk majlis tarian makan malam yang dianjurkan oleh pihak persendirian yang kemasukannya tidak terbuka kepada pihak awam.

### **Royalti**

**S14. Badan Perlindungan Hakcipta Muzik Bhd (MACP) mengutip royalti untuk pengubah lagu, penulis lirik dan pihak pengeluar album. Public Performance Malaysia Sdn Bhd (PPM) pula mengutip royalti untuk syarikat rakaman. *Performers and Artistes Rights Malaysia (PRISM)* pula mengutip royalti untuk penyanyi dan pemuzik. Ianya sama ada dalam studio rakaman atau tempat awam (contohnya: disko, kompleks membeli belah, pub dan lain lain) yang disiarkan melalui televisyen atau radio kepada awam melalui kabel, internet, video dan muzik atas permintaan. Semua royalti yang dikutip akan diagihkan setahun sekali kepada ahli ahli**

**selepas ditolak semua perbelanjaan pentadbiran. Adakah royalti yang dikutip tertakluk kepada CBP?**

J14. Pembayaran royalti adalah dianggap sebagai suatu hak untuk menggunakan harta intelek atau tanda perdagangan. Semua jenis royalti di atas adalah tertakluk kepada CBP. Sekiranya MACP, PPM, PRISMA adalah orang yang berdaftar dengan CBP, maka mereka dikehendaki mengeluarkan invois cukai kepada penerima royalti. Penerima royalti hendaklah mengakaun CBP jika mereka adalah seorang berdaftar CBP.

**S15. MACP juga mengenakan fi bagi lesen untuk penyiaran muzik kepada awam (pusat hiburan, dewan konsert, dll.). Adakah fi ke atas lesen ini tertakluk kepada CBP?**

J15. Fi ke atas lesen yang dikenakan oleh MACP adalah tertakluk kepada CBP. MACP adalah bertanggung jawab untuk mengena dan membayar CBP kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

**S16. Adakah yuran yang dibayar kepada pemilik asal drama luar negara bagi persembahan di Malaysia tertakluk kepada CBP?**

J16. Ya, yuran yang dibayar adalah tertakluk kepada CBP kerana perkhidmatan tersebut dianggap sebagai perkhidmatan yang diimport. Layanan ini juga terpakai ke atas yuran yang dibayar kepada pereka fesyen luar negara atau pemilik pertunjukan fesyen, hak milik paten, francais dan kerja kreatif lain yang dipersembahkan di Malaysia. Penerima hendaklah mengakaunkan CBP secara mekanisme caj balikan.

**S17. Bagaimana dengan layanan CBP ke atas royalti yang dibayar oleh MACP kepada *overseas copyright protector agency*?**

J17. Royalti yang dibayar kepada *overseas copyright protector agency* adalah tertakluk kepada CBP. MACP mewakili kepentingan *overseas copyright protector agency* hendaklah mengakaunkan CBP secara mekanisme caj balikan. Pembekalan sedemikian adalah dikira pembekalan yang dibuat oleh penerima ke atas perkhidmatan yang diimport.

## **E-Perdagangan**



**S18. Syarikat saya menyediakan perkhidmatan ‘memuat turun muzik/filem/ permainan’ melalui peralatan multimedia. Adakah perkhidmatan tersebut tertakluk CBP?**

J18. Memuat turun muzik / filem / permainan adalah pembekalan bercukai. Syarikat yang menerima perkhidmatan itu dari luar negara hendaklah mengakaun CBP secara mekanisme caj balikan. Pembekalan yang disediakan oleh pembekal tempatan adalah tertakluk kepada peraturan biasa CBP.

Bagi CBP, semua pembekalan produk digital adalah dikira sebagai perkhidmatan. Seperti semua pembekalan lain, bentuk pembekalan yang diberikan akan menentukan layanan CBP. Kebanyakan perkhidmatan elektronik yang dibekalkan, termasuk produk digital dan semua perkhidmatan penyiaran radio dan televisyen, adalah tertakluk kepada CBP di mana perkhidmatan itu digunakan dan dinikmati sebenarnya.

### **Penyiaran**

**S19. Adakah pembayaran yang diterima bagi hak untuk peyiaran langsung hiburan atau persembahan tertakluk kepada CBP?**

J19. Ya, hak untuk penyiaran di Malaysia adalah pembekalan bercukai dan oleh itu tertakluk kepada CBP. Sekiranya hak penyiaran itu diberi kepada pelanggan atau syarikat luar negara, ianya dianggap sebagai pembekalan berkadar sifar. *Untuk maklumat lebih lanjut sila rujuk Panduan Perkhidmatan Telekomunikasi CBP.*

**S20. Sebuah syarikat pengurusan majlis mengelola bersama rancangan realiti dengan syarikat penyiaran dan pembekal komunikasi. Apakah layanan CBP dan bagaimana untuk mengakaunkan CBP ke atas pengelolaan ini?**

J20. Di bawah peraturan CBP, mana-mana balasan yang diterima bagi sesuatu pembekalan bercukai akan mewujudkan tanggungan CBP. Terdapat beberapa transaksi dalam mengelolakan suatu rancangan realiti. Setiap transaksi itu hendaklah dikenalpasti di dalam menentukan layanan CBP yang sesuai. Bagi program realiti yang disiarkan melalui televisyen, kebiasaannya akan ada perancangan media, penyewaan tempat, pengiklanan, hak untuk siaran, caj masuk, caj oleh syarikat telekomunikasi ke atas sms yang dihantar oleh

penonton. Kesemua aktiviti ini adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

## Tajaan

**S21. Syarikat saya adalah syarikat hiburan yang terlibat dalam penyiaran langsung rancangan realiti. Saya menerima tajaan secara tunai bagi penyiaran langsung suatu program hiburan. Apakah layanan CBP ke atas tajaan ini?**

J21. Tajaan secara wang tunai bukan merupakan suatu pembekalan (*non-supply*). Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat manfaat besar yang diberi kepada pihak penaja tersebut sebagai balasan kepada tajaan diterima seperti pengiklanan semasa waktu iklan siaran televisyen, tajaan itu dianggap sebagai balasan kepada perkhidmatan pengiklanan. Oleh itu, anda perlu mengakaun CBP ke atas tajaan (amaun) diterima.

**S22. Saya menerima tajaan dalam bentuk barang - tiket penerbangan, penginapan hotel dan pengangkutan darat dll. – bagi siaran langsung rancangan realiti. Siapa perlu mengakaunkan CBP dan siapakah yang layak menuntut kredit cukai input?**

J22. Tajaan dalam bentuk barang adalah tertakluk kepada CBP. Tajaan yang diberi dengan syarat tertentu, seperti pengiklanan nama atau jenama penaja adalah pembekalan bercukai. Pihak penaja perlu mengakaunkan CBP ke atas tajaan tiket/ bilik/ pakaian yang ditaja. Sekiranya penerima memberi perkhidmatan pengiklanan sebagai balasan ke atas tajaan tersebut, pihak penerima perlu mengakaunkan CBP ke atas perkhidmatan pengiklanan yang diberi. Kredit cukai input boleh dituntut oleh pihak penaja ke atas CBP yang telah dibayar olehnya. Anda juga layak untuk menuntut kredit cukai input ke atas pembelian anda sekiranya anda seorang yang berdaftar CBP.

## Caj masuk

**S23. Caj masuk untuk persembahan teater atau muzik secara langsung adalah tertakluk kepada duti hiburan. Apakah tanggungan di bawah Akta CBP?**

J23. Nilai bagi tujuan CBP adalah tidak termasuk duti hiburan. Contoh seperti berikut:

Tiket masuk	:	RM3.00
Duti Hiburan 25%	:	RM0.75
CBP (6%)	:	RM3.00 X 6% = RM0.18
Jumlah kos	:	RM3.93

**S24. Apakah layanan CBP ke atas bayaran masuk ke disko, kelab malam dan rumah awam?**

J24. Apa-apa bayaran yang dikenakan untuk hiburan di disko, kelab malam dan rumah awam adalah tertakluk kepada CBP.

### **Panggung wayang**

**S25. Siapakah yang perlu mengakaun CBP ke atas tiket yang dijual di panggung wayang?**

J25. Harga tiket wayang yang dijual di panggung wayang mestilah termasuk CBP. Pengusaha panggung wayang adalah bertindak sebagai ejen tiket untuk syarikat pengeluar filem dan hendaklah memungut cukai ke atas tiket yang dijual.

### **Ejen**

**S26. Pihak penganjur majlis biasanya menggunakan ejen untuk menjual tiket bagi pihaknya. Apakah layanan CBP?**

J26. Penganjur dan ejen tiket selalunya menggunakan saluran pengedar, seperti kedai muzik tempatan, bagi menjamin tiket dapat dijual secara meluas. Penjualan tiket sebenarnya oleh penganjur, ejen atau pengedar tiket adalah satu bentuk pembekalan hak kepada pelanggan untuk menyertai ke majlis yang diadakan.

Pihak ejen atau pengedar yang menjual tiket adalah bertanggungjawab untuk mengakaunkan CBP ke atas harga tiket. Kos tempahan, sekiranya sebahagian dari bayaran, akan menjadi sebahagian dari harga tiket. Caj komisen

hendaklah diakaun berasingan oleh penerima komisen itu jika ia seorang berdaftar CBP.

**S27. Apakah layanan CBP ke atas jualan awal tiket?**

J27. Bayaran diterima terlebih awal bagi pembekalan barang atau perkhidmatan adalah tertakluk kepada CBP pada masa bayaran dibuat. Ini juga terpakai kepada jualan tiket bagi persembahan langsung teater dan muzik, yang dijual sebelum tarikh persembahan. CBP hendaklah diakaun bagi tempoh bercukai yang mana jualan dibuat bukan pada bila acara diadakan.

Sekiranya persembahan itu dibatalkan, penganjur, ejen atau pengedar tiket perlu mengembalikan harga penuh tiket, termasuk CBP, kepada pembeli. Pelarasan boleh dibuat melalui penyata CBP dalam tempoh bercukai yang mana nota kredit dikeluarkan.

**S28. Bagaimana layanan CBP bagi bayaran pendahuluan oleh penganjur kepada pihak yang membuat persembahan?**

J28. Bayaran pendahuluan oleh penganjur kepada pihak yang membuat persembahan adalah tertakluk kepada CBP pada masa bayaran dibuat/ terima.

**S29. Istana Budaya mengadakan konsert muzikal yang sebahagiannya ditaja oleh sebuah syarikat telekomunikasi. Sebagai balasan, Istana Budaya meminta syarikat itu menjual tiket tersebut kepada pelanggan syarikat pada harga subsidi sebagai sebahagian daripada program pemasaran. Adakah tajaan yang diterima oleh Istana Budaya tertakluk kepada CBP?**

J29. Ya, tajaan yang diterima adalah tertakluk kepada CBP kerana kebenaran untuk masuk pada kadar subsidi adalah dianggap sebagai faedah balasan.

**S30. Saya seorang penganjur yang menyewa teater, kemudahan dan peralatan dari agensi kerajaan dan pihak berkuasa tempatan. Apakah layanan CBP ke atas bayaran yang dikenakan ke atas perkhidmatan tersebut?**

J30. Perkhidmatan yang disediakan oleh agensi kerajaan persekutuan dan negeri adalah di luar skop CBP dan tidak tertakluk kepada CBP. Bagaimanapun perkhidmatan yang disediakan oleh pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun adalah tertakluk kepada CBP kecuali perkhidmatan yang berkaitan



dengan fungsi pengawalan dan penguatkuasaan mengikut akta masing-masing.

Apa-apa caj dan dan bayaran pendahuluan, yang merupakan sebahagian bayaran kepada sewaan teater, kemudahan dan peralatan dari pihak berkuasa tempatan dan badan berkanun, adalah tertakluk kepada CBP.

**S31. Saya mengendalikan sebuah kelab persendirian yang menawarkan perkhidmatan hiburan. Bagaimanakah untuk saya mengakaunkan yuran keahlian yang dibayar oleh pelanggan saya?**

J31. Sekiranya anda mengenakan yuran keahlian bagi menyertai kelab anda, anda mestilah mengenakan CBP ke atas jumlah yuran keahlian yang dibayar oleh ahli kelab.

#### **Hadiah percuma dan sampel**

**S32. Sesetengah pusat hiburan menjalankan aktiviti promosi di premis mereka yang mana barang diberi percuma kepada pelanggan mereka. Apakah layanan CBP ke atas barang yang diberi secara percuma ini?**

J32. Barang yang diberikan secara percuma bagi tujuan promosi tidak tertakluk kepada CBP dengan syarat kos barang itu tidak melebihi RM500.00 untuk seorang dalam satu tahun.

**S33. Satu program dikelola bagi mempromosikan seorang artis rakaman. Syarikat pengeluaran atau penganjur mengedarkan sampel CD dan VCD album artis itu secara percuma kepada orang awam. Apakah layanan CBP ke atas sampel ini?**

J33. CD dan VCD ini dianggap sebagai hadiah percuma di bawah peraturan hadiah.

#### **Perjudian dan mesin hiburan**

**S34. Kelab saya mengendalikan mesin perjudian di samping menyediakan aktiviti rekreasi dan sukan keluarga. Apakah tanggungan cukai saya di bawah Akta CBP?**

J34. Aktiviti pertaruhan dan perjudian adalah pembekalan bercukai dan tertakluk kepada CBP. Pembekalan lain dibuat oleh kelab itu seperti wain, makanan,

cenderamata, tembakau dan rokok, dll. adalah tertakluk kepada CBP. Yuran keahlian dan bayaran masuk, sekiranya ada, juga tertakluk kepada CBP. Oleh itu, anda dikehendaki mengakaunkan CBP ke atas pembekalan tersebut.

**S35. Adakah mesin hiburan tertakluk kepada CBP?**

J35. CBP dikenakan ke atas pembekalan mesin hiburan sama ada pihak pengusaha mesin memasangnya di premis sendiri atau di premis orang lain seperti di kelab. Contoh mesin hiburan adalah permainan video (tetapi bukan mesin video pakau (*poker*)) dan peti muzik.

Mesin hiburan adalah satu mesin yang tidak menyediakan hadiah dalam apa keadaan pun, atau hadiah bergantung semata-mata ke atas tahap kemahiran atau pengetahuan seperti mesin kuiz. Mesin “hadiah dengan kemahiran” ini bukannya mesin perjudian kerana kemenangan tidak bergantung ke atas nasib.

**S36. Apakah tanggungan CBP ke atas pembekalan yang terlibat dalam transaksi mesin hiburan?**

J36. Terdapat beberapa pembekalan yang terlibat dalam urusan berhubung mesin hiburan. Ia adalah pembekalan:

- **penggunaan mesin** - apabila mesin disediakan kepada seorang pemain;
- **penyewaan mesin** - apabila pemunya mesin menyewakan, sama ada melalui caj sewaan tetap atau berkongsi keuntungan; dan
- **lesen untuk berniaga** - apabila pemilik premis memberi kebenaran untuk mesin itu diletakkan di premisnya.

Pembekalan di atas adalah tertakluk kepada CBP.

**S37. Siapa yang perlu mengakaunkan CBP ke atas kutipan hasil mesin tersebut?**

J37. Orang yang berdaftar CBP yang membekalkan penggunaan mesin kepada awam hendaklah mengakaun CBP ke atas kutipan hasil mesin. Hanya seorang saja bertanggungjawab untuk melakukan ini dan kebiasaannya ia adalah orang yang pada setiap hari bertanggungjawab untuk mengawal mesin itu dan layak untuk mengambil kutipan hasil tersebut.

Orang yang membekalkan mesin hiburan itu kepada awam boleh sama ada:

- **penghuni premis**, sekiranya mesin dibeli, dipajak, disewa oleh penghuni premis yang mana mesin itu diletakkan; atau
- **pemunya mesin** yang mana pemunya mesin membayar sewa kepada penghuni premis di mana mesin itu diletakkan. Sekiranya mesin tersebut dikendalikan berdasarkan perkongsian untung, maka pembekal bagi penggunaannya kepada awam adalah orang yang mengawal operasinya.

### Taman tema

**S38. Pelanggan dikehendaki membeli kad taman tema bagi menikmati permainan di taman tema itu. Kad boleh ditambah nilai pada masa diperlukan. Apakah layanan CBP ke atas kad ini?**

J38. Jualan dan seterusnya amaun ditambah adalah dikira sebagai baucar kewangan dan tidak tertakluk kepada CBP pada masa pembelian atau penambahan. CBP akan hanya dikenakan apabila kad itu digunakan untuk mana-mana permainan di taman tema oleh kerana bayaran bagi setiap permainan adalah termasuk CBP.

**S39. Nilai pada kad tambah nilai adalah termasuk deposit yang boleh dibayar balik apabila kad tersebut dikembalikan. Adakah deposit yang boleh dibayar balik itu tertakluk kepada CBP?**

J39. Deposit yang boleh dibayar balik dan deposit yang dirampas tidak tertakluk kepada CBP kerana tidak merupakan balasan untuk sesuatu pembekalan.

**S40. Pengusaha taman tema membenarkan orang lain meletakkan mesin hiburan untuk beroperasi di taman temanya berdasarkan perkongsian untung. Bagaimana dan siapa perlu mengakaunkan CBP ke atas pengambilan kutipan hasil dari operasi mesin tersebut?**

J40. Pengusaha yang dilesenkan untuk mengendali mesin hiburan itu hendaklah mengakaun CBP ke atas kutipan hasil mesin hiburan itu. Tiada implikasi CBP terdapat ke atas perkongsian untung antara pengusaha dan mesin.

**S41. Adakah yuran keahlian yang melayakkan ahli masuk secara percuma ke taman tema/ pameran perdagangan tertakluk kepada CBP?**

J41. Ya, yuran keahlian adalah tertakluk kepada CBP kerana ianya merupakan bayaran bagi hak mendapatkan pembekalan bercukai.

## **Filem**

**S42. Apakah layanan CBP ke atas perfileman yang meliputi lebih dari satu negara?**

J42. Hanya perfileman di Malaysia tertakluk kepada CBP. Syarikat Pengeluaran A dari Malaysia membuat perfileman di Sabah, Indonesia dan Thailand untuk seorang pelanggan. Syarikat perlu membuat mengagihkan kos pengeluaran dan mengenakan pelanggan CBP ke atas kos perfileman di Sabah sahaja.

**S43. Apakah layanan CBP ke atas pembekalan perkhidmatan yang diberi oleh pelakon dalam perfileman yang dibuat di dalam dan di luar negara?**

J43. Pembekalan perkhidmatan oleh pelakon di dalam filem yang dibuat tempatan adalah tertakluk kepada CBP sementara pembekalan perkhidmatan oleh pelakon yang dibuat di luar negara adalah berkadar sifar.

**S44. Apakah implikasi CBP ke atas filem yang dibekalkan oleh syarikat pengeluaran filem (*production house*)?**

J44. Syarikat pengeluaran filem adalah bertanggung untuk mengakaunkan CBP apabila bayaran diterima untuk pembekalan filem sama ada melalui jualan terus atau jualan bersyarat.

**S45. Apakah implikasi CBP ke atas filem yang dieksport dan hak yang diberikan ke luar negara?**

J45. Semua filem dan hak yang dieksport ke pasaran luar negara adalah berkadar sifar.

**S46. Adakah FINAS perlu mengakaunkan CBP ke atas tajaan atau geran yang diterima dari Filem Negara bagi membuat filem?**

J46. Tajaan atau geran diterima dalam bentuk wang tunai tanpa sebarang manfaat kepada penaja bukan merupakan suatu pembekalan dan tidak tertakluk kepada CBP.

## **Perkara Lain**



**S47. Apakah layanan CBP ke atas stok yang telah dihapuskir?**

J47. Anda tidak perlu mengakaun CBP ke atas stok CBP yang telah dihapuskir.

**S48. Adakah fi yang dikenakan bagi perkhidmatan kebudayaan, artistik, pelancungan, hiburan yang diberi di luar Malaysia tertakluk kepada CBP?**

J48. Apa-apa fi yang dikenakan bagi perkhidmatan di luar Malaysia adalah berkadar sifar.

**S49. Sebahagian dari kos yang ditanggung oleh ibu pejabat luar negara syarikat rakaman di sini dalam mempromosikan jualan album seperti kos pengiklanan di TV akan dikenakan bersekadar (*proportionately charged*) kepada syarikat rakaman di Malaysia. Adakah kos itu tertakluk kepada CBP? Sekiranya ya, siapa perlu membayar CBP tersebut?**

J49. Kos ditanggung oleh ibu pejabat luar negara dalam mempromosi jualan, seperti pengiklanan TV, yang dikenakan kepada syarikat rakaman di Malaysia adalah tidak tertakluk kepada CBP jika perkhidmatan dibekalkan di luar Malaysia dan dianggap sebagai pembekalan berkadar sifar. Sekiranya perkhidmatan diberi di Malaysia, ianya tertakluk kepada CBP tanpa mengira siapa yang membayar untuk pengiklanan itu. Perkhidmatan itu dianggap sebagai perkhidmatan yang diimport dan syarikat rakaman hendaklah mengenakan dan mengakaun CBP dengan mekanisme caj balikan.

**S50. PPM melantik ejen berdasarkan komisen bagi menjalankan aktiviti perlesenan hak milik. Adakah komisen yang dibayar itu tertakluk kepada CBP dan perlukah ejen itu mengeluarkan inuis CBP kepada PPM?**

J50. Komisen yang dibayar kepada ejen adalah tertakluk kepada CBP jika ejen adalah seorang berdaftar CBP. Ejen tersebut hendaklah mengeluarkan inuis cukai kepada PPM dan mengakaun CBP ke atas komisen diterima.

**S51. Bagi pihak ahli RIM, PPM menyumbang setiap bulan kepada RIM untuk membiayai perbelanjaan pentadbiran dan operasi mencegah cetak rompak. Adakah sumbangan yang dibuat boleh dianggap sebagai pembekalan di kalangan ahli dalam kumpulan dan tidak diambilkira bagi tujuan CBP?**

J51. Sumbangan kewangan untuk membiayai pentadbiran dan pencegahan cetak rompak bukanlah satu pembekalan dan tidak tertakluk kepada CBP.

**S52. Adakah bayaran ganti rugi hak milik yang diterima oleh ahli RIM, PPM atau RIM COP dari orang yang melanggar hak milik hasil dari tindakan penguatkuasaan tertakluk kepada CBP?**

J52. Balasan dari bayaran ganti rugi hak milik yang diterima itu tidak tertakluk kepada CBP kerana ia merupakan suatu pampasan.

### **MAKLUMBALAS DAN KOMEN**

13. Sebarang maklumbalas dan komen amat dihargai. Sila emel maklumbalas atau komen anda kepada Hari Haran A/L Karnanidi ([hari.karnanidi@customs.gov.my](mailto:hari.karnanidi@customs.gov.my)) atau Nurulhuda Binti Zulkifli ([nurulhuda.zul@customs.gov.my](mailto:nurulhuda.zul@customs.gov.my)).

### **MAKLUMAT LANJUT**

14. Maklumat lanjut boleh diperolehi dari

- (a) Laman sesawang CBP: [www.gst.customs.gov.my](http://www.gst.customs.gov.my)
- (b) Hotline CBP: 03-88822111
- (c) Pusat Panggilan Kastam:
  - Tel : 03-78067200/ 1-300-888-500
  - Faks : 03-78067599
  - E-mel : [ccc@customs.gov.my](mailto:ccc@customs.gov.my)